



**KENYATAAN AKHBAR**  
**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DAN ZIKA DI MALAYSIA**

(Bagi Minggu 04/2017 dari 22 hingga 28 Januari 2017)

Pada minggu ke 4 tahun 2017 iaitu bagi tempoh 22 hingga 28 Januari, sejumlah 1,858 kes Demam Denggi telah dilaporkan, menurun sebanyak 195 kes (9.5%) berbanding dengan 2,053 kes dilaporkan pada minggu sebelumnya. Terdapat enam (6) negeri yang menunjukkan peningkatan kes pada minggu ke empat iaitu Perlis, Perak, WP Kuala Lumpur & Putrajaya, Melaka, Negeri Sembilan dan Sarawak. Jumlah kumulatif kes yang dilaporkan pada tahun 2017 sehingga 28 Januari adalah 7,450 kes berbanding 13,831 kes bagi tempoh yang sama tahun 2016, iaitu penurunan sebanyak 46.1% (6,381 kes). Pada masa yang sama, sebanyak 19 kematian dilaporkan berbanding 32 kematian bagi tempoh yang sama tahun 2016, iaitu penurunan sebanyak 13 kematian (46.1%) pada tahun ini. Analisa mendapati kawasan kediaman kes-kes kematian adalah dari kawasan wabak dan juga kawasan yang mempunyai kadar pembiakan Aedes yang tinggi.

Pada minggu lepas juga, masih terdapat 651 lokaliti wabak yang masih aktif dilaporkan di 13 negeri iaitu Selangor, Perak, Johor, WPKL & Putrajaya, Kelantan, Negeri Sembilan, Pulau Pinang, Melaka, Sabah, Kedah, Pahang, Sarawak dan Perlis. Terdapat 55 lokaliti hotspot semasa yang melibatkan 4 buah negeri iaitu di Selangor (45 lokaliti), Johor (6 lokaliti), Negeri Sembilan (3 lokaliti) dan WPKL & Putrajaya (1 lokaliti).

Secara keseluruhannya kejadian kes demam denggi pada bulan Januari 2017 semakin menurun berbanding tempoh yang sama tahun lepas. Namun, aktiviti kawalan dan pencegahan terutama menghapuskan tempat pembiakan Aedes perlu diteruskan. Peningkatan pergerakan orang ramai pada musim cuti juga dijangka akan meningkatkan penyebaran virus denggi di kalangan komuniti dan ke kawasan baru. Oleh itu, penggunaan repelen untuk melindungi diri daripada gigitan nyamuk digalakkan pada setiap individu, terutama semasa waktu nyamuk Aedes aktif mengigit iaitu jam 5 hingga 7 pagi dan 5 hingga 7 petang atau ketika menjalankan aktiviti di luar rumah. KKM juga menyeru orang ramai agar mendapatkan rawatan awal di klinik sekiranya mempunyai gejala-gejala demam denggi.

Terdapat sebanyak 76 buah negara melaporkan jangkitan virus Zika berdasarkan laporan terkini yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) bertarikh 20 Januari 2017. Di Malaysia, terdapat sebanyak lapan (8) kes disahkan positif jangkitan virus Zika yang telah dilaporkan sepanjang tempoh dari 1 September 2016 sehingga 31 Disember 2016 dan pada tahun ini sehingga 28 Januari, tiada kes Zika dilaporkan. Pemantauan sistem surveilans virus Zika oleh Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan (MKAK) dan Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) dari 1 Januari sehingga 28 Januari 2017, mendapati keputusan ujian bagi 100 sampel darah dan air kencing di kalangan pesakit yang menunjukkan gejala jangkitan virus Zika adalah negatif. **Tiada Aedes, Tiada Zika dan Denggi.**



**DATUK DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH**  
Ketua Pengarah Kesihatan  
Kementerian Kesihatan Malaysia

**7 Februari 2017**

## Lampiran A

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 4/2017**  
**(22 Januari hingga 28 Januari 2017)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan				Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 4/2017		Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 4/2016	
		Minggu 3 (15 – 21 Januari 2017)		Minggu 4 (22 - 28 Januari 2017)		Kes	Mati	Kes	Mati
		Kes	Mati	Kes	Mati	Kes	Mati	Kes	Mati
1	Perlis	1	0	5	0	9	0	34	0
2	Kedah	47	0	33	0	128	0	109	0
3	P. Pinang	54	2	48	0	185	2	727	6
4	Perak	149	0	166	1	532	3	525	0
5	Selangor	1133	0	1030	2	4014	4	6756	11
6	WPKL & Putrajaya	143	2	151	3	592	5	920	1
7	N. Sembilan	80	1	83	0	290	2	389	3
8	Melaka	36	0	40	0	177	0	330	1
9	Johor	126	1	109	0	522	2	2115	2
10	Pahang	83	0	36	0	249	0	373	1
11	Terengganu	6	0	6	0	29	0	662	5
12	Kelantan	111	0	73	0	380	0	271	0
13	Sarawak	36	0	38	0	150	0	175	1
14	Sabah	48	0	40	0	193	1	445	1
15	WP Labuan	0	0	0	0	0	0	0	0
	<b>MALAYSIA</b>	<b>2053</b>	<b>6</b>	<b>1858</b>	<b>6</b>	<b>7450</b>	<b>19</b>	<b>13831</b>	<b>32</b>

\* Sumber : Bilik Gerakan Denggi Kebangsaan

Lampiran B

SENARAI LOKALITI "HOT SPOT" SEHINGGA 28 JANUARI 2017 (Mg 4)

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
1	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 (Flat B : Blok 13 - 37)	70	179
2	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 8/1-15 Seksyen 8 Bandar Baru Bangi	82	125
3	SELANGOR	Gombak	Tmn Melawati (F)	35	95
4	SELANGOR	Petaling	Seksyen U5 (Pangsapuri Seri Pelangi : Blok 1 - 3 & Rmh Pangsa Seri Murni Blok 4)	40	89
5	SELANGOR	Hulu Langat	Flat Sri Nilam Bandar Baru Ampang	17	89
6	SELANGOR	Petaling	Seksyen 28 ( Flat B : Blok 2, 4, 6, 8, 10, 12, 14, 16, 18, 20 )	26	86
7	SELANGOR	Petaling	Seksyen U7 ( Tudm Subang A : Blok G1 - G8 )	34	82
8	SELANGOR	Sepang	Taman Anggerik	17	82
9	N. SEMBILAN	Seremban	Taman Tuanku Jaafar Fasa 2	30	81
10	SELANGOR	Petaling	Seksyen U7 ( Tudm Subang D : Blok F1 - F8 & E1 - E2 )	69	80
11	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 (Flat A : Blok 1 - 12, Blok 38 - 43)	47	79
12	SELANGOR	Petaling	Tmn Lestari Perdana (Pangsapuri Sri Indah)	16	68
13	SELANGOR	Hulu Langat	Seksyen 5 Bandar Rinching	26	67
14	SELANGOR	Kuala Langat	Taman Panglima	24	66
15	JOHOR	Johor Bharu	Tperling_Layang	17	66
16	SELANGOR	Petaling	Tmn Sri Serdang 3 (Jln 18/30- 18/44 & 18/46)	10	65

17	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Bukit Kajang Baru	28	62
18	SELANGOR	Gombak	Kg Klang Gate	14	60
19	SELANGOR	Petaling	Kota Perdana Kp 4 (Kota Impian)	11	59
20	N. SEMBILAN	Seremban	Taman Desa Indah	24	59
21	SELANGOR	Petaling	Seksyen U10 ( Alam Budiman : Jln U10/68 - U10/77b )	17	54
22	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Nusa Damai_Jln Harmoni	15	54
23	SELANGOR	Gombak	Appt Sri Gohtong	10	51
24	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Pendekar Jalan Tun Perak	17	50
25	SELANGOR	Gombak	Condo Symphony Height	11	46
26	SELANGOR	Petaling	Tmn Puchong Utama (Jln Pu 10)	13	46
27	SELANGOR	Kuala Langat	Taman Seri Jarom	15	46
28	SELANGOR	Gombak	Kg Sg Kertas Zon A	11	44
29	SELANGOR	Petaling	Tmn Puchong Intan 2	14	44
30	N. SEMBILAN	Seremban	Emerald Park	8	43
31	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Tps 3 Taman Pelangi Semenyih	15	40
32	SELANGOR	Petaling	Tmn Puchong Indah 3 (Jln Indah 3)	16	40
33	SELANGOR	Petaling	Kd Pju 5 Seksyen 4 Gugusan Melor	8	39
34	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Kajang Mewah	5	38
35	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Saga 20-28 Taman Saga	15	38
36	SELANGOR	Petaling	Seksyen U5 ( Pangsapuri Subang Suria : Blok 1 - 8 )	7	37
37	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Gembira	7	37
38	SELANGOR	Petaling	Seksyen U5 (Pangsapuri Subang Impian & Jln U5/178 - 180 & Jln Cc U5/Cc-Ce U5/Ce)	18	36
39	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Flora Taman Impian Ehsan	6	36
40	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 4/9-4/32 Pandan Indah	4	36
41	SELANGOR	Gombak	Kg Simpang 3 (Jln Changkat)	9	35

42	SELANGOR	Petaling	BI Pju 10 Apt Idaman Fasa 2 : Blok D,E,F,G,O,P,Q,R,S	6	35
43	SELANGOR	Gombak	Appt Laksamana	4	35
44	SELANGOR	Petaling	Seksyen 28 ( Flat A : Blok 1, 3, 5, 7, 9, 11, 13, 15, 17, 19 )	13	34
45	SELANGOR	Petaling	Usj 1 (Usj One Avenue Condo)	8	34
46	SELANGOR	Petaling	Tm Pjs 1 Apt Tmn Petaling Utama ( Blok A - D : Jln Pjs 1/52 )	5	34
47	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Puncak 6 Taman Puncak Saujana	9	33
48	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Pulai Indah_Jln Pulai Indah /8	16	33
49	SELANGOR	Petaling	BI Pju 10 Apt Harmoni 2 ( D,E,F,G,H,J,K,T,S,R )	11	33
50	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 1-8 Taman Desa Mewah	10	32
51	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Cempaka Blok 15-27	8	32
52	WPKL	Kepong	Flat Sri Perak	20	32
53	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Bayu Puteri 3	12	31
54	SELANGOR	Hulu Langat	Pangsapuri Taman Ampang Mewah	7	31
55	SELANGOR	Petaling	Tmn Kinrara (Jln Tk 2)	4	31